

3767/1
Ekonomi
Kertas 1
Julai / Ogos
2026
1 ¼ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026

EKONOMI

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D.*
Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak


- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan dua sumber ekonomi.

Encik Rasyid, perintis dalam industri pembuatan keju halal tempatan telah berjaya meningkatkan jualan dengan bantuan Encik Daniel selaku pegawai pemasaran di kilang tersebut.

Pernyataan yang manakah **betul** tentang sumber ekonomi tersebut?

	Encik Rasyid	Encik Daniel
A	Menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran	Memudah dan mempercepatkan proses pengeluaran
B	Mempunyai mobiliti geografi	Mempunyai mobiliti kegunaan
C	Memperoleh ganjaran untung	Menerima upah daripada majikan
D	Meningkatkan daya pengeluaran melalui kemahiran	Menghadapi persaingan melalui sikap kreatif dan inovatif

- 2 Rajah berikut menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan yang manakah **betul** tentang rajah tersebut?

	Titik	Keterangan
A	p	Pembaziran faktor pengeluaran
B	q	Penggunaan tingkat teknologi yang tetap
C	r	Pengeluaran pada tingkat guna tenaga penuh
D	s	Penambahan motosikal akan mewujudkan kos lepas

- 3 Apakah kelebihan sistem ekonomi sosialis?
- A Kepuasan masyarakat diutamakan
 - B Jurang pendapatan rakyat dikecilkan
 - C Penggunaan sumber ekonomi dioptimumkan
 - D Risiko kesilapan keputusan ekonomi dikurangkan



- 4 Bagaimanakah barang diagihkan dalam sistem ekonomi pasaran bebas?
- A Pembahagian secara adil dan saksama kepada rakyat
 - B Pemberian subsidi bantu individu memiliki barang keperluan
 - C Masyarakat berpendapatan tinggi dapat banyak barangan
 - D Memilih harga faktor pengeluaran yang relatif lebih rendah
- 5 Pernyataan yang manakah **betul** tentang situasi permintaan berkesan?
- A Abu berminat untuk membeli kereta elektrik yang berharga RM69 000
 - B Ali membayar RM25 untuk menikmati secawan kopi dan sepotong kek
 - C Ain bercadang membeli sebuah rumah banglo yang dijual pada RM800 000
 - D Aish menerima sepasang baju melayu yang berharga RM100 secara percuma
- 6 Antara berikut, yang manakah ciri keluk permintaan individu?
- I Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - II Harga dan kuantiti berhubung secara langsung
 - III Terbentuk dengan menjumlah kuantiti secara mendatar
 - IV Peningkatan harga menyebabkan pengucupan permintaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Jadual berikut menunjukkan perubahan kuantiti permintaan kereta tempatan.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)	
	Julai	Ogos
60 000	212	189

Situasi yang manakah berkaitan dengan perubahan di atas?


- A Kerajaan menurunkan cukai jalan
- B Duti import untuk kereta diturunkan
- C Gaji tahunan kakitangan awam ditingkatkan
- D Harga kereta dijangka meningkat pada masa depan

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran kereta.

Penerimaan terhadap kenderaan elektrik (EV) semakin meningkat berikutan kemunculan varian mampu milik yang ada di pasaran.

Sumber: Ubah suai BH Online, 8 Oktober 2025

Rajah yang manakah **betul** bagi situasi tersebut?




- 9 Jadual berikut menunjukkan kuantiti permintaan dan penawaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (Unit)	Kuantiti Penawaran (Unit)
150	330	150
200	300	165
250	250	180
300	200	200
350	140	320

Pilih pasangan yang betul tentang jadual di atas.

	Harga (RM)	Keterangan
A	350	Harga cenderung turun
B	250	Keseimbangan pasaran tercapai
C	200	Lebih permintaan sebanyak 300 unit
D	150	Kuantiti penawaran menurun ke arah keseimbangan


- 10 Rajah berikut berkaitan dengan keseimbangan pasaran sarung tangan getah.



Faktor yang manakah menyebabkan perubahan tersebut?

- A Upah minimum bertambah
 B Daya pengeluaran bertambah
 C Harga sarung tangan getah meningkat
 D Jangkaan harga pada masa depan meningkat
- 11 Apakah penentu yang menyebabkan penawaran suatu barang anjal?
- A Inventori terhad
 B Jangka masa pendek
 C Tambahan kos kecil
 D Bilangan firma sedikit

- 12 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah menerangkan keluk tersebut?

- A Peratus perubahan kuantiti lebih daripada peratus perubahan harga
 - B Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
 - C Kesetiaan pengguna terhadap barangan adalah tinggi
 - D Kegunaan barang yang pelbagai dalam ekonomi
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan penawaran sebuah firma.

Pada bulan Mei, Firma Exora telah mengeluarkan 250 unit jam tangan berharga RM500. Selepas sebulan, harga jam tangan telah meningkat kepada RM550 dan firma menambah pengeluarannya sebanyak 100 unit.

Hitungkan nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut?

- A 0.25
 - B 2.00
 - C 2.86
 - D 4.00
- 14 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan fungsi wang?

	Alat	Keterangan
A	Perantaraan pertukaran	Harga buku rujukan ekonomi untuk murid Tingkatan 5 ialah RM20
B	Penyimpan nilai	Puan Jannah mendeposit RM350 dalam akaun tabungan setiap bulan
C	Bayaran tertunda	Seorang petani menjual buah-buahan dan mendapat untung sebanyak RM1 000
D	Ukuran nilai	Encik Muaz membeli sebuah kereta dengan bayaran bulanan RM550

- 15 Apakah jenis pekerjaan yang terlibat dalam sektor kedua?

- A Penyelia di ladang getah
- B Penyambut tetamu di hotel
- C Tukang masak di pelantar minyak
- D Jurutera di kilang semikonduktor

- 16 Pernyataan yang manakah betul tentang perkhidmatan pinjaman?
- A Pinjaman bercagar digunakan untuk membeli barang tahan lama
 - B Kemudahan overdraf digunakan untuk membeli stok perniagaan
 - C Pinjaman peribadi boleh digunakan untuk pembelian kenderaan baharu
 - D Kemudahan kad kredit membolehkan individu mendapat tunai tanpa had

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan skim perbankan Islam.

Encik Hassan membeli sebuah rumah berharga RM450 000 secara ansuran.

Apakah prinsip tersebut?

- A Takjiri
 - B Wadiah
 - C Mudharabah
 - D Bai Bithaman Ajil
- 18 Padanan yang manakah betul berkaitan dengan jenis pendapatan individu?

	Jenis	Keterangan
A	Sewa	Sebahagian keuntungan dibayar kepada pemegang saham
B	Untung	Menyumbangkan tenaga mental atau fizikal dalam proses pengeluaran
C	Faedah	Sanggup menanggungkan perbelanjaan rutin
D	Bayaran pindahan	Memberi hak penggunaan kepada orang lain

- 19 Apakah faktor yang menyebabkan individu memperoleh pendapatan tinggi?
- A Memiliki kemahiran literasi komputer
 - B Memilih pekerjaan yang rendah risiko
 - C Memperoleh tahap pendidikan sekunder
 - D Menjalankan perniagaan secara konvensional

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kaedah pembayaran.

Asiff seorang pempengaruh media sosial telah membeli sebuah telefon bimbit yang berharga RM6 500 secara ansuran.

Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembayaran tersebut?

- I Menghasilkan pendapatan
 - II Mendisiplinkan perbelanjaan
 - III Menikmati harga yang lebih murah
 - IV Mengurangkan beban kewangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV




- 21 Gambar berikut berkaitan dengan potongan wajib.

	Y	X	
---	---	---	---

Pernyataan yang manakah betul tentang X dan Y?

	X	Aspek	Y
A	Menyediakan faedah persaraan	Tujuan	Menyediakan perkhidmatan awam
B	2.5%	Kadar caruman	1.75%
C	Kerajaan persekutuan	Pengurusan kutipan	Kerajaan negeri
D	Dividen	Ganjaran	Faedah

- 22 Rajah berikut berkaitan dengan hubungan antara pulangan dan risiko pelaburan.



Antara berikut, pelaburan yang manakah mewakili titik X?

- I FOREX
 - II Saham syarikat
 - III Unit amanah
 - IV Hartanah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Gambar berikut menunjukkan suatu input dalam pengeluaran jangka pendek.



Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dengan input tersebut?

- A Wujud pada keluaran sifar
 - B Digunakan dalam jangka masa panjang
 - C Kuantiti berubah secara langsung dengan output
 - D Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah
- 24 Jadual berikut menunjukkan kos bagi sebuah firma dalam jangka pendek.

Jumlah kos (RM)	X
Kos purata (RM)	1 350
Kos Marginal (RM)	700

Berapakah X jika jumlah keluaran ialah 2 unit?

- A RM350
 - B RM675
 - C RM1 400
 - D RM2 700
- 25 Pernyataan yang manakah **betul** tentang hukum pulangan berkurangan?
- A Jumlah keluaran meningkat dengan cepat
 - B Tingkat teknologi pengeluaran meningkat berterusan
 - C Gabungan input berubah dan input tetap yang cekap
 - D Keluaran menurun jika input berubah ditambah kepada input tetap
- 26 Bagaimanakah firma berupaya meningkatkan produktiviti?
- A Menambah kos pengeluaran
 - B Menggunakan buruh sedia ada
 - C Menambah tempoh pengeluaran
 - D Menggunakan teknologi canggih
- 27 Pilih pasangan yang **betul** berkaitan dengan jenis pengangguran.

Pengangguran	Keterangan
A Kitaran	Berlaku semasa ekonomi berada dalam guna tenaga penuh
B Geseran	Berpunca daripada kekurangan mobiliti kelayakan dan kemahiran
C Kitaran	Wujud akibat penyusutan permintaan agregat
D Geseran	Penganggur mengambil masa yang lama untuk mencari pekerjaan



- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi.

Kementerian Kesihatan Malaysia mencadangkan cukai ke atas cecair rokok elektronik dinaikkan daripada RM0.40 kepada RM4.00 bagi setiap mililiter.

Sumber: Utusan Malaysia, 8 Oktober 2025

Mengapakah kerajaan membuat cadangan tersebut?

- A Mengawal eksplotasi pengguna oleh firma
 - B Meningkatkan penggunaan barang pengganti
 - C Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - D Melaksanakan dasar harga bagi barang kawalan
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

Bertujuan untuk memajukan industri berasaskan sumber tempatan.

Apakah jenis cukai tersebut?

- A Duti setem
 - B Duti eksais
 - C Duti import
 - D Duti eksport
- 30 Maklumat berikut merupakan tindakan bank pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi.

- Menjual surat jaminan kerajaan
- Meningkatkan kadar rizab berkanun

Antara berikut, pernyataan yang manakah **betul** tentang tindakan tersebut?

- I Mengurangkan penciptaan kredit bank perdagangan
 - II Mengatasi masalah pengangguran yang tinggi
 - III Mencapai kestabilan imbalan pembayaran
 - IV Melaksanakan dasar kewangan menguncup
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 31 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan kuota terhadap barang import?
- A Meningkatkan pendapatan negara
 - B Mengurangkan harga barang import
 - C Meningkatkan keselamatan pengguna
 - D Mengurangkan persaingan barang tempatan

- 32 Pengusaha makanan ringan membeli mesin pemrosesan dari Itali untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

Apakah komposisi import tersebut?

- A Barang pengantara
- B Barang pengguna
- C Barang komoditi
- D Barang modal

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan komponen akaun pendapatan.

Berlaku peningkatan dalam pembayaran pendapatan primer dan sekunder

Apakah kesan situasi di atas?

- A Mendorong akaun semasa defisit
- B Daya saing pengeluaran meningkat
- C Imbangan akaun dagangan lebihan
- D Nilai mata wang asing menurun

- 34 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- A Petronas membuat pelaburan cari gali petroleum di Abu Dhabi
- B Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghantar pelajar ke Jerman
- C Jepun meningkatkan penghantaran komponen elektronik ke kilang di Selangor
- D Pelancong Korea melawat Sabah menggunakan Syarikat Penerbangan Air Asia

- 35 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

Tempoh	Kadar Pertukaran
Januari 2025	USD1 = RM4.504
Januari 2026	USD1 = RM4.144

Sumber: anm.gov.my

Apakah kesan ke atas perdagangan antarabangsa Malaysia akibat perubahan tersebut?

- A Nilai eksport menurun
- B Harga import lebih mahal
- C Imbangan dagangan lebihan
- D Permintaan barang tempatan naik

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Matlamat ekonomi Islam ialah untuk mencapai al-Falah
II Al-Falah ialah kebebasan individu untuk memiliki kekayaan dunia
- 37 I Hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan adalah bersifat songsang
II Sifat songsang ini digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
- 38 I Faedah sampingan diberikan oleh majikan kepada pekerja untuk mengekalkan motivasi
II Motivasi pekerja boleh ditingkatkan melalui jaminan kerja
- 39 I Kos luaran ialah perbezaan antara kos sosial dengan kos peribadi
II Kos peribadi terdiri daripada kos eksplisit dan kos implisit
- 40 I Inflasi tolakan kos disebabkan oleh perbelanjaan kerajaan yang berlebihan
II Inflasi tolakan kos menyebabkan daya saing barang eksport menurun

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

